



Ruj. Kami : JPA.BK(S)134/8/57 Jld. 7 (8)
Tarikh : 13 April 2018

Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Ketua Jabatan Persekutuan
Semua YB Setiausaha Kerajaan Negeri

YBhg. Tan Sri/Datuk Seri/Dato' Seri/Dato' Sri/Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan,

PERSEDIAAN PENGISIAN KEKOSONGAN JAWATAN PENOLONG PEGAWAI TADBIR GRED N32 PERKHIDMATAN GUNASAMA PERSEKUTUAN BAGI AGENSI DI KUALA LUMPUR, AMPANG (SELANGOR), LUMUT (PERAK) DAN GEORGETOWN (PULAU PINANG)

Dengan segala hormatnya saya diarah untuk merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Bahagian Perkhidmatan, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) sedang dalam proses **persediaan pengisian jawatan Penolong Pegawai Tadbir Gred N32 bagi agensi di Kuala Lumpur, Ampang (Selangor), Lumut (Perak) serta Georgetown (Pulau Pinang)** dan dengan ini memohon pihak YBhg. Tan Sri/Datuk Seri/Dato' Seri/Dato' Sri/Datuk/Dato'/Datin/tuan/puan untuk mengemukakan maklumat PPT Gred N29 yang layak dipertimbangkan berdasarkan syarat-syarat seperti berikut:

- 2.1 Telah **Disahkan dalam perkhidmatan**;
- 2.2 Dilantik kali pertama dalam perkhidmatan awam sebagai PPT Gred N29 **sebelum 30 Jun 2011**;
- 2.3 **Tidak hilang keananan yang boleh menyebabkan tarikh lantikan ke Gred N29 berubah ke tarikh 1 Julai 2011 dan seterusnya**;
- 2.4 Markah wajaran LNPT bagi tiga (3) tahun terkini (2015, 2016 dan 2017) **tidak kurang 80%**;
- 2.5 Lulus tapisan keutuhan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM);
- 2.6 Telah mengisytiharkan harta berdasarkan peraturan yang sedang berkuat kuasa;
- 2.7 Bebas daripada tindakan atau hukuman tatatertib;

...2/

2.8 Bebas daripada disenaraikan sebagai Peminjam Pendidikan Tegar daripada institusi pinjaman pendidikan; dan

2.9 **Diperakukan oleh Ketua Jabatan.**

3. Semua permohonan hendaklah dibuat mengguna pakai **Lampiran A, Lampiran B dan Lampiran C** seperti disertakan dan hanya calon yang **bersedia untuk penempatan bagi agensi di Kuala Lumpur, Ampang (Selangor), Lumut (Perak) serta Georgetown (Pulau Pinang)** sahaja digalakkan memohon kerana urusan pemangkuan ini.

4. Sehubungan dengan itu, kerjasama YBhg. Tan Sri/Datuk Seri/Dato' Seri/Dato' Sri/Datuk/Dato'/Datin/tuan/puan adalah dimohon untuk mengemukakan **dokumen yang lengkap** bagi setiap pegawai dari Kementerian/Jabatan/Agensi di bawah seliaan YBhg. Tan Sri/Datuk Seri/Dato' Seri/Dato' Sri/Datuk/Dato'/Datin/tuan/puan ke Bahagian Perkhidmatan **sebelum atau pada 30 April 2018** di alamat:

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
Jabatan Perkhidmatan Awam
Bahagian Perkhidmatan
Aras 1, Blok C2, Kompleks C
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62510 PUTRAJAYA
(u.p.: Encik Mohd Zulkefley bin Mohd Sabri)

5. Dimaklumkan bahawa adalah menjadi **tanggungjawab** Bahagian Pengurusan Sumber Manusia (BPSM), Kementerian/Jabatan/Agensi di bawah seliaan YBhg. Tan Sri/Datuk Seri/Dato' Seri/Dato' Sri/Datuk/Dato'/Datin/tuan/puan untuk **memastikan hanya permohonan daripada pegawai yang memenuhi syarat** seperti di **Perenggan 2 sahaja dikemukakan ke JPA**. BPSM juga perlu **menyemak dan mengesahkan semua maklumat yang dikemukakan adalah tepat berdasarkan buku rekod perkhidmatan pegawai yang terkini (buku rekod perkhidmatan tidak perlu disertakan)**. Sebarang kesilapan fakta yang telah disahkan oleh BPSM boleh menyebabkan permohonan tersebut tidak dipertimbangkan. Permohonan yang **tidak lengkap** atau **lewat diterima tidak akan diproses**.

6. Sebarang pertanyaan berhubung urusan pemangkuan ini boleh diajukan terus kepada pegawai-pegawai berikut:-


- | | | | |
|-----|---|---|--------------|
| i. | Puan Yusleli binti Hj. Mohd Yunos
yusleli.yunos@jpa.gov.my | - | 03-8885 4351 |
| ii. | Encik Mohammad Hilmi bin Abdullah Zawawi
hilmi.zawawi@jpa.gov.my | - | 03-8885 4155 |

7. Segala perhatian dan kerjasama pihak YBhg. Tan Sri/Datuk Seri/Dato' Seri/Dato' Sri/Datuk/Dato'/Datin/tuan/puan berhubung perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,



(MOHD ZULKEFLEY BIN MOHD SABRI)
Cawangan Pengurusan Perkhidmatan Gunasama
Bahagian Perkhidmatan
b.p. Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
MALAYSIA

☎ : 03-8885 4110

✉ : zulkefley.sabri@jpa.gov.my